

LEX READ

Ulasan Drama:

ONE CENT
THIEF

**NAFKAH ISTERI
BERAS AKU BELI**

Fatin Hayati


Menulis:

*Santai Harum Manis:
Literasi Undang-Undang
Jenayah*

JUU LEX READ



eISSN 2811-3462



Romantik atau Risiko : Pergaulan Kampus Di Bawah Lensa Undang-Undang

OLEH: FARIHANA ABDUL RAZAK &
AMYLIA FUZIANA AZMI

(farihana@uitm.edu.my) &
(amylia2597@uitm.edu.my)

Dunia kampus sering dilihat sebagai medan untuk menimba ilmu, membina jati diri, dan mempersiapkan diri ke alam dewasa. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa fasa ini juga membuka ruang kepada pergaulan sosial antara lelaki dan perempuan yang adakalanya sukar dikawal. Hubungan yang bermula dengan niat yang murni seperti persahabatan dan kerjasama akademik, boleh bertukar kepada situasi yang melibatkan pelanggaran tata tertib jika tidak berhati-hati.

Walaupun kehidupan kampus sering dikaitkan dengan kebebasan bersosial dan perkembangan emosi, namun hubungan yang bersifat romantik tanpa pengawalan boleh mengundang perlakuan sumbang yang menjurus kepada tingkah laku yang bertentangan dengan norma moral dan ajaran agama.

Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT), pastinya terdapat undang-undang yang memperuntukkan tentang disiplin para pelajar khususnya. Namun begitu, masih terdapat pelajar yang kurang faham atau tidak sedar tentang batas-batas undang-undang dan implikasi tata tertib terhadap pergaulan bebas di kampus.

Ketidakhafahaman ini menimbulkan keperluan untuk memberikan pendedahan yang jelas berkenaan garis panduan perundangan berkaitan tingkah laku sosial dalam kalangan pelajar IPT, agar mereka dapat menjalani kehidupan kampus dengan lebih beretika, berdisiplin, dan selari dengan nilai budaya serta agama.

PERLAKUAN SUMBANG DAN KONTEKS PERGAULAN KAMPUS

Perlakuan sumbang merujuk kepada tingkah laku yang bertentangan dengan nilai moral, etika sosial, dan adab ketimuran. Selain itu, ia juga berkait rapat dengan unsur kesopanan dan kesusilaan seseorang dalam pergaulan harian. Dalam konteks di IPT, pergaulan bebas antara pelajar lelaki dan perempuan boleh mencetuskan persepsi negatif serta menjejaskan nama baik individu dan institusi.



Antara contoh perlakuan sumbang termasuk berdua-duaan di tempat sunyi (berkhalwat); memasuki bilik kolej kediaman pelajar berlainan jantina; berkelakuan tidak sopan secara fizikal di tempat awam; serta membuat kandungan media sosial yang tidak senonoh. Walaupun ramai yang menganggap bahawa perbuatan ini dianggap 'hal peribadi', hakikatnya pelajar IPT terikat dengan peraturan tata tertib dan bertanggungjawab menjaga imej institusi.



Sekilas Kandungan Akta 174

Akta 174 merupakan Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 yang memperuntukkan perkara berkaitan dengan tatatertib dalam institusi pelajaran, dan mengenai perkara yang berkenaan dengannya. Secara keseluruhan, Akta 174 mengandungi enam (6) bahagian utama, iaitu:

i

Bahagian I : Permulaan

Menjelaskan definisi istilah penting dan skop pemakaian akta ini.

ii

Bahagian II : Pihak Berkuasa Tatatertib

Memperuntukkan kuasa kepada Pegawai Hal Ehwal Pelajar dan pihak universiti untuk mengambil tindakan terhadap pelajar yang melanggar disiplin.

iii

Bahagian III : Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Dan Badan Pelajar Lain

Menyentuh mengenai organisasi pelajar dan syarat-syarat pengurusan serta kawal selia aktiviti mereka.

iv

Bahagian V : Peralihan

Berkaitan pelaksanaan dan keberterusan penguatkuasaan undang-undang.

v

Bahagian IV : Kesalahan

Menjelaskan bentuk-bentuk salah laku pelajar yang boleh dikenakan tindakan tatatertib.

vi

Jadual Kedua: Perincian tentang Kaedah-kaedah Tatatertib Pelajar seperti larangan terhadap perlakuan tidak senonoh, kehadiran kuliah, pakaian, plagiarisme, dan lain-lain.

Selain itu, Akta ini turut mengandungi tiga (3) Jadual penting, iaitu:

Jadual Pertama: Senarai institusi-institusi pengajian yang tertakluk kepada akta ini (termasuk UiTM).

Bahagian VI : Am

Merangkumi perkara pelbagai seperti kuasa membuat peraturan tambahan dan pemakaian akta ini di pelbagai institusi.

Jadual Ketiga: Berkenaan urusan pentadbiran dan perwakilan pelajar.

Bahagian II, Jadual Kedua: Tatatertib Am

Bahagian II dalam Jadual Kedua memperuntukkan tentang perkara berikut:

- i - Larangan am – Kaedah 3
- ii - Kehadiran di kuliah – Kaedah 4
- iii - Latihan amali – Kaedah 5
- iv - Pakaian dan penampilan diri – Kaedah 6
- v - Masuk peperiksaan – Kaedah 7
- vi - Kelakuan semasa peperiksaan – Kaedah 7A
- vii - Sekatan mengenai penggunaan teks kuliah, dsb. – Kaedah 8
- viii - Larangan terhadap plagiarism - Kaedah 8A
- ix - Mengatur, dsb., perhimpunan - Kaedah 9
- x - Pemunyaan, milikan dan penggunaan pembesar suara, dsb. - Kaedah 10
- xi - Membuat, mengguna, menunjukkan, mempunyai, dsb., panji, pelekat, dsb. – Kaedah 11
- xii - Menerbitkan, dsb., dokumen – Kaedah 12
- xiii - Aktiviti pelajar di luar kampus – Kaedah 13
- xiv - Pelajar bertugas dalam pekerjaan, dsb. – Kaedah 14
- xv - Representasi berhubung dengan Institusi, dsb. – Kaedah 15
- xiv - Pelajar bertugas dalam pekerjaan, dsb. – Kaedah 14
- xvi - Bantahan pelajar terhadap kemasukan, ketidakmasukan, dsb., orang daripada kampus – Kaedah 16
- xvii - Judi dalam kampus – Kaedah 17
- xviii - Minum atau memiliki minuman keras dan mabuk – Kaedah 18
- xix - Bahan lucah – Kaedah 19, dsb. – Kaedah 14
- xx - Dadah dan racun – Kaedah 20
- xxi - Kebersihan di dalam kampus – Kaedah 21
- xxii - Membuat bunyi yang mengkusarkan dan mengganggu – Kaedah 22
- xxiii - Tempat tinggal atau tempat tidur di kampus – Kaedah 23
- xxiv - Memasuki bahagian larangan kampus atau bangunan – Kaedah 24
- xxv - Kad pelajar – Kaedah 25
- xxvi - Keingkaran – Kaedah 26
- xxvii - Hukuman tatatertib terus oleh pihak berkuasa tatatertib – Kaedah 26A

Antara Cinta dan Tatatertib: Romantik yang Mengundang Risiko

Isu hubungan romantik antara pelajar sering menjadi topik yang mencabar kerana ramai yang beranggapan bahawa cinta kampus adalah satu perkara biasa dan tidak salah selagi tidak melibatkan hubungan fizikal. Namun begitu, hubungan yang bermula secara tidak rasmi ini sering kali membawa kepada situasi berisiko seperti berdua-duaan di tempat sunyi, berkongsi bilik atau kediaman, serta interaksi yang tidak bermoral di media sosial.



Tindakan-tindakan ini bukan sahaja bertentangan dengan norma agama dan budaya, malah turut membuka ruang kepada pelanggaran Kaedah 3(a) dan 3(b) Akta 174 yang memperuntukkan larangan terhadap kelakuan yang mencemarkan nama baik institusi atau melanggar undang-undang bertulis. Oleh itu, pelajar perlu sentiasa diingatkan bahawa dalam konteks undang-undang kampus, "romantik" tanpa batas boleh membawa risiko besar.

Hubungan yang kelihatan manis dan tidak berbahaya boleh berubah menjadi kes tatatertib, disiasat oleh pihak berkuasa dan secara tidak langsung mampu menjejaskan masa depan akademik seseorang, terutama apabila disabitkan bersalah serta dikenakan hukuman.

Implikasi Kaedah 3(a) Dan 3(b) Akta 174

Kaedah 3 di bawah Jadual Kedua, Bahagian II memperuntukkan tentang larangan am kepada seseorang pelajar. Menurut Kaedah 3(a) dan 3(b), seseorang pelajar adalah tidak boleh

"(a) berkelakuan, sama ada di dalam atau di luar kampus, secara yang boleh merosakkan atau mendatangkan mudarat kepada kepentingan, kesentosaan atau nama baik Institusi, atau kepada kepentingan, kesentosaan atau nama baik mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai, atau pekerja Institusi, atau kepada ketenteraman atau keselamatan awam, atau kepada akhlak, kesopanan atau tatatertib"

"(b) tidak boleh melanggar mana-mana peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, sama ada di dalam atau di luar kampus."

Peruntukan Kaedah 3(a) bertujuan memastikan bahawa pelajar sentiasa menjaga adab dan nilai moral dalam setiap tindakan. Ia mencerminkan tanggungjawab kolektif untuk memelihara nama baik universiti dan masyarakat secara keseluruhan.

Kelakuan sumbang seperti berdua-duaan di tempat sunyi, berkhawat, menyebarkan kandungan tidak senonoh di media sosial, atau mencetuskan kekacauan semasa aktiviti kampus merupakan antara contoh yang boleh mencemarkan nama baik institusi dan menyalahi Kaedah 3(a) Akta 174 ini.



Kaedah 3(b) memberi maksud yang menyeluruh bahawa pelajar yang melakukan kesalahan jenayah, termasuk kesalahan syariah, seperti khalwat, atau kesalahan lalu lintas, masih boleh dikenakan tindakan tatatertib oleh universiti walaupun kes tersebut ditangani oleh pihak berkuasa luar. Peruntukan ini menegaskan bahawa status sebagai pelajar tidak mengecualikan mereka daripada tanggungjawab terhadap undang-undang negara.

Kedua-dua kaedah dalam Akta 174 ini mencerminkan prinsip bahawa pelajar perlu memainkan peranan sebagai individu yang berdisiplin, beretika dan bertanggungjawab. Kehidupan kampus tidak boleh dijadikan alasan untuk berkelakuan bebas tanpa batas. Sebaliknya, ia perlu menjadi ruang untuk membentuk integriti dan nilai murni sebagai persediaan menghadapi dunia sebenar selepas tamat pengajian.

Kaedah 3(a) dan 3(b) memberikan asas perundangan yang kukuh kepada pihak universiti untuk mengambil tindakan terhadap salah laku pelajar yang menjejaskan nama baik institusi atau melanggar undang-undang. Oleh itu, pelajar wajar memahami dan menghayati peruntukan ini agar mereka tidak tersasar dalam pergaulan dan tingkahlaku, serta dapat menjadi warga universiti yang cemerlang dalam sahsiah dan akademik.



Penutup dan Saranan: Undang-Undang Sebagai Benteng Disiplin



Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 atau lebih dikenali sebagai Akta 174 bukan diperkenalkan untuk menghukum, tetapi sebagai satu mekanisme pendidikan dan pembentukan sahsiah pelajar agar mereka menjadi insan yang berakhlak mulia, berdisiplin, dan mampu memberi manfaat kepada diri sendiri, masyarakat dan negara. Dalam dunia kampus, pelajar menikmati lebih banyak kebebasan berbanding zaman persekolahan.

Namun, kebebasan tanpa bimbingan mudah membawa kepada salah laku, pergaulan bebas, serta pencemaran imej institusi. Justeru, peruntukan tatatertib di bawah Akta 174 berperanan sebagai garis panduan moral dan undang-undang bagi memastikan pelajar tidak menyimpang daripada landasan yang sepatutnya. Ia membantu membentuk pelajar yang bukan sahaja cemerlang akademik, tetapi juga berakhlak dan bertanggungjawab.

Sebagai solusi, beberapa pendekatan proaktif boleh dilaksanakan. Pertama, pihak universiti perlu memperkasakan program kesedaran tatatertib, bukan hanya semasa minggu orientasi, tetapi secara berkala sepanjang pengajian pelajar. Penerangan secara jelas berkenaan Akta 174, peraturan kolej kediaman, serta implikasi kesalahan moral perlu dijadikan sebahagian daripada budaya kampus.

Kedua, pelajar perlu dididik untuk menghayati nilai etika dan disiplin, bukan sekadar takutkan hukuman. Pendidikan melalui pendekatan seperti usrah, kaunseling, program mentor-mentee dan aktiviti pembangunan sahsiah boleh membantu membentuk jati diri yang seimbang dari segi intelek dan emosi.

Ketiga, universiti perlu mewujudkan sistem rehabilitasi atau pemulihan bagi pelajar yang melakukan salah laku ringan, bukannya terus menghukum. Dengan pendekatan ini, pelajar akan lebih menghargai peluang kedua dan belajar daripada kesilapan.

Kesimpulannya, Akta 174 ialah undang-undang yang bersifat mendidik lebih daripada menghukum. Ia menjadi benteng pencegahan awal agar pelajar tidak terpesong daripada tanggungjawab mereka sebagai warga intelektual. Apabila undang-undang disokong oleh nilai moral dan kesedaran diri, barulah kampus menjadi tempat yang benar-benar melahirkan insan yang seimbang dari segi ilmu, akhlak dan integriti.

RUJUKAN

Akta 174 – Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976